KERAJAAN MALAYSIA
KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA
HOSPITAL SELAYANG

I. KENYATAAN TAWARAN SEBUT HARGA (PERKHIDMATAN)

1. Tawaran sebut harga adalah dipelawa kepada syarikat-syarikat yang berkelayakan berstatus Bumiputera serta berdaftar dengan Kementerian Kewangan Malaysia seperti berikut:-

<table>
<tr><th>KOD SEBUT HARGA</th><th>BUTIR TAWARAN</th><th>KOD BIDANG</th><th>TARIKH DIBUKA</th><th>TARIKH SEBUT HARGA DITUTUP</th></tr>
<tr><td rowspan="2">HS ADM/910 (S)11-05/2026

(SECARA LUAR TALIAN EP)</td><td rowspan="2">SEBUT HARGA PERKHIDMATAN PENYEWAAN KEDAI CENDERAMATA DI HOSPITAL SELAYANG KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA BAGI TEMPOH TIGA (3) TAHUN</td><td rowspan="2">221506:
030201:
020801:
020802:
020803:

*SILA BAWA BERSAMA DOKUMEN ASAL DAN SALINAN INI SEMASA MENGHADIRI LAWATAN TAPAK</td><td>28 OKTOBER 2026 (RABU)</td><td>4 NOVEMBER 2026 (RABU) SEBELUM 12.00 TENGAH HARI</td></tr>
<tr><td colspan="2"><u>TAKLIMAT & LAWATAN TAPAK</u>

TARIKH : 28 OKTOBER 2026 (RABU)
MASA : 10.00 AM
PENDAFTARAN : 9.00 PAGI HINGGA 10.00 PAGI
LOKASI : BILIK MESYUARAT UTAMA, ARAS 3, HOSPITAL SELAYANG

*KEHADIRAN ADALAH DIWAJIBKAN</td></tr>
</table>

2. **Borang Kehadiran Taklimat (Lampiran A)** yang disertakan bersama dokumen sebut harga ini perlu dilengkapkan butiran berkaitan dan diserahkan kepada urusetia bertugas, untuk pengesahan kehadiran. Bukti kehadiran adalah berdasarkan cop rasmi pengesahan dari hospital ini. Pihak hospital tidak akan bertanggungjawab jika pihak syarikat gagal menyerahkan borang kehadiran semasa sesi taklimat dan kegagalan ini boleh dianggap sebagai tidak menghadiri taklimat. Sebarang rayuan berkenaan perkara ini tidak akan dilayan. **Setiap syarikat hanya dibenarkan menghantar dua (2) orang wakil** sahaja. Kehadiran

adalah **DIWAJIBKAN**. Kegagalan untuk menghadiri sesi ini akan menyebabkan tawaran penyebut harga ditolak.

3. Semua tawaran kewangan dan teknikal hendaklah dikemukakan pada tarikh tutup tawaran sebut harga dengan dokumen-dokumen tawaran dimasukkan ke dalam dua (2) sampul surat yang berlainan. Kedua-dua sampul surat tersebut hendaklah dimasukkan ke dalam satu sampul besar dan dikemukakan ke dalam peti sebut harga dengan alamat seperti berikut:-

   Pengarah
   Hospital Selayang, Kementerian Kesihatan Malaysia
   Bahagian Pengurusan, Unit Pentadbiran
   Aras 3, Hospital Selayang, Lebuhraya Selayang-Kepong
   68100, Batu Caves, Selangor

   KOD SEBUT HARGA : **HS ADM/910(S)11-05/2026**

   SEBUT HARGA PERKHIDMATAN PENYEWAAN KEDAI CENDERAMATA DI HOSPITAL SELAYANG KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA BAGI TEMPOH TIGA (3) TAHUN

   sebelum pukul 12.00 tengah hari pada atau sebelum **4 NOVEMBER 2026 (RABU)**

   SEBUT HARGA YANG LEWAT TIDAK AKAN DIPERTIMBANGKAN.

4. Hospital ini tidak akan bertanggungjawab di atas kehilangan borang-borang penyertaan sebut harga akibat daripada kesilapan peti yang dimasukkan atau yang dihantar melalui pos.

5. Iklan sebut harga ini juga boleh dirujuk di laman web Hospital Selayang & Jabatan Kesihatan Negeri Selangor.

6. Hospital Selayang tidak terikat untuk menerima mana-mana tawaran atau memberikan apa-apa sebab di atas penolakan sesuatu sebut harga.

(DR. AFIDAH BINTI ALI) MD:31597
Pengarah
Hospital Selayang

HOSPITAL SELAYANG MALAYSIA

Tarikh : 9 OKTOBER 2026